

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, Disember 26^{hb}, 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW 2024

Jumlah dagangan ternakan di Malaysia meningkat 23.2 peratus atau RM254.7 juta kepada RM1.4 bilion pada 2023

PUTRAJAYA, 26 DISEMBER 2024 – Industri ternakan di Malaysia merupakan komponen utama sektor pertanian negara dan memainkan peranan penting dalam keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi. Jumlah perdagangan industri ternakan di Malaysia meningkat 23.2 peratus atau RM254.7 juta, kepada RM1.4 bilion pada 2023. Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap ternakan dan produk berkaitan bagi memenuhi keperluan penggunaan domestik dan industri. ***MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW (MTSR) 2024*** membentangkan maklumat tentang senario prestasi perdagangan bagi industri ternakan di Malaysia dan hubungkaitnya dengan statistik lain di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "MTSR 2024 mensintesis prestasi perdagangan Malaysia untuk industri ternakan dengan memfokuskan kepada ternakan terpilih seperti ayam, telur, lembu, biri-biri dan kambing, itik dan babi. Analisis ini bertujuan untuk memperkukuh pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai sumbangan industri terhadap ekonomi serta peranannya dalam membentuk perspektif ekonomi yang holistik."

Industri ternakan di Malaysia telah mencatat perkembangan dan pertumbuhan yang ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sekaligus memberi sumbangan signifikan kepada sektor pertanian negara. Sektor ayam dan telur kekal sebagai penyumbang terbesar kepada subsektor ternakan dan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan protein rakyat Malaysia. Nilai eksport ayam mencapai RM726.7 juta pada 2023, meningkat 27.0 peratus atau RM154.4 juta berbanding tahun lepas. Sementara itu, pengeluaran telur di Malaysia terus mencatat prestasi yang memberangsangkan dengan nilai eksport mencecah RM671.2 juta pada tahun 2023 serta memenuhi permintaan pasaran di peringkat serantau.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Industri ruminan di Malaysia masih didominasi oleh sektor luaran. Nilai import lembu hidup meningkat pesat bagi memenuhi penggunaan domestik dengan peningkatan nilai import daripada RM82.8 juta pada 2022 kepada RM108.7 juta pada 2023. Nilai import ternakan untuk biri-biri dan kambing mencapai RM27.2 juta pada 2023 dimana Australia dan Indonesia kekal sebagai pengeksport utama ke Malaysia. Industri itik mencatatkan prestasi yang sangat kukuh pada tahun 2016 dengan jumlah nilai perdagangan RM4.6 juta. Namun, ia mengalami penurunan besar 93.7 peratus kepada RM45,124 pada tahun 2023. Perdagangan babi di Malaysia meningkat daripada RM 141.7 juta pada 2022 kepada RM 179.1 juta pada 2023.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir seterusnya menghuraikan, "Industri ternakan menghadapi ketidakseimbangan perdagangan dimana jumlah import secara konsisten mengatasi jumlah eksport. Pada 2023, defisit perdagangan bagi produk ternakan berjumlah RM849.1 juta dan menggariskan keperluan untuk campur tangan strategik untuk meningkatkan pengeluaran dan daya saing tempatan."

"Singapura terus menjadi destinasi eksport utama produk ternakan di Malaysia dengan menyumbang 96.4 peratus daripada jumlah eksport ternakan. Vietnam dan Brunei juga merupakan sebagai destinasi eksport utama selain Singapura. Sebaliknya, negara asal utama import ternakan ialah Australia, New Zealand dan Thailand, dimana secara kolektif menyumbang 84.8 peratus daripada jumlah import ternakan di Malaysia.”

Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif untuk memastikan kemampanan sektor ternakan dan mengukuhkan rantai bekalan. Hal ini termasuk meningkatkan kapasiti pengeluaran tempatan, mengguna pakai teknologi pertanian termaju, dan mempelbagaikan sumber import. Selain itu, usaha untuk meningkatkan pengeluaran tempatan, seperti memperluaskan program penternakan lembu dan kambing bagi bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada import dan menyokong objektif keselamatan makanan di Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

26 DISEMBER 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, December 26th, 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW 2024

Total trade of livestock in Malaysia grew 23.2 per cent or RM254.7 million to RM1.4 billion in 2023

PUTRAJAYA, DECEMBER 26, 2024 – The livestock industry in Malaysia continues to be a key component of the country's agricultural sector and plays a critical role in food security and economic development. Total trade of Malaysia's livestock industry grew 23.2 per cent or RM254.7 million, to RM1.4 billion in 2023. This growth reflects the increasing demand for livestock and related products to meet domestic consumption and industrial needs. The **MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW (MTSR) 2024** presents an information on the scenario of the trade performance for Malaysia's livestock industry as well as other statistical indicators in the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "MTSR 2024 synthesizes Malaysia's trade performance for the livestock industry, focusing on selected livestock such as chicken, eggs, cattle, sheep, goat, duck and swine. This valuable insight is to foster a more comprehensive understanding of the industry's contribution to the economy and its role in shaping a holistic economic perspective."

"The livestock industry in Malaysia has shown significant growth and resilience over the years, contributing substantially to the agricultural sector. The poultry sector, particularly chicken and eggs, remained the largest contributor to the livestock

subsector, playing a pivotal role in meeting the protein needs of Malaysians. The value of chicken exports is RM726.7 million in 2023, an increase of 27.0 per cent or RM154.4 million as compared to last year. Meanwhile, eggs production in Malaysia continued to exhibit strong performance with exporting RM671.2 million worth of eggs in 2023 and catering to the demands of regional markets.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, “The ruminant industry in Malaysia is dominated by external sector. The value of imports for live cattle surged to meet domestic consumption, with the import value increasing from RM82.8 million in 2022 to RM108.7 million in 2023. The import value of livestock for sheep and goats reached RM27.2 million in 2023, with Australia and Indonesia remained as the primary exporters to Malaysia. The duck industry experienced a very strong performance in 2016, with the total trade value peaking at RM4.6 million. However, it saw a significant decline of 93.7 percent to just RM45,124 in 2023. Malaysia’s trade of swine improved significantly from RM 141.7 million in 2022 to an impressive RM 179.1 million in 2023.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir further elaborated, "The livestock industry faces a significant trade imbalance, with imports consistently outpacing exports. The trade deficit for livestock products in 2023 amounted to RM849.1 million, underlining the need for strategic interventions to boost local production and competitiveness."

"Singapore continued to be the main export destination for Malaysia’s livestock products, contributing 96.4 per cent of total livestock exports. Vietnam and Brunei also emerged as key export destinations. On the other hand, the top countries of origin for livestock imports were Australia, New Zealand and Thailand collectively accounting for 84.8 per cent of Malaysia’s total livestock imports.”

The government continues to implement initiatives to ensure the sustainability of the livestock sector and strengthen the supply chain. This includes enhancing local production capacity, adopting advanced farming technologies, and diversifying import sources. Additionally, efforts to boost local production, such as expanding cattle and goat farming programs, aim to reduce dependency on imports and support Malaysia's food security objectives.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 DECEMBER 2024**